



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 3 petang, 11 November 2024

Untuk Terbitan Media
11 November 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO LANCAR OPERASI KESAN MAJIKAN INGKAR PASTIKAN KEBAJIKAN PEKERJA ASING TERJAMIN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR – Sebagai komitmen berterusan terhadap perlindungan pekerja asing di Malaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini melaksanakan Operasi Pengesanan Majikan Pekerja Asing (Ops Kesan Pekerja Asing) di seluruh negara. Operasi ini adalah kesinambungan daripada Ops Kesan 2024 yang telah diaktifkan 1 Julai 2024 yang lalu.

Operasi serentak ini dijalankan di 54 pejabat PERKESO, melibatkan lebih 300 anggota penguatkuasaan yang bertindak memburu majikan yang gagal mendaftar dan mencarum pekerja asing, termasuk ekspatriat dan pekerja domestik.

Menurut Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Azirruan Arifin, Ops Kesan Pekerja Asing 2024 ini bertujuan untuk memastikan tiada pekerja asing yang dipinggirkan dari segi kebajikan dan hak sosial mereka.

Antara fokus utama operasi ini adalah memastikan keluarga pekerja asing di negara asal mereka merasa yakin bahawa pekerja asing yang mencari rezeki di Malaysia diberi perlindungan yang sesuai dan kebajikan mereka terpelihara.

PERKESO sentiasa berpegang kukuh kepada prinsip perlindungan saksama tanpa diskriminasi, selaras dengan keperluan piawaian antarabangsa. "Kami ingin memastikan semua pekerja di bawah naungan majikan di Malaysia, sama ada warganegara tempatan atau asing, menerima perlindungan keselamatan sosial yang sewajarnya. Setiap majikan perlu memikul tanggungjawab terhadap semua yang bekerja di dalam organisasi mereka," ujar Azirruan.

Berdasarkan perangkaan PERKESO sehingga 30 September 2024, hanya sekitar 88 peratus pekerja asing di Malaysia berdaftar dengan PERKESO. Bagi pekerja domestik pula, kadar pendaftaran kini hanya sekitar 59 peratus sahaja. Semakan ini mendapati masih terdapat jurang ketara pekerja asing yang belum didaftarkan oleh majikan mereka di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Dalam operasi yang dijalankan kali ini, majikan yang gagal atau lewat mendaftar perusahaan atau pekerja mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua (2) tahun atau denda sehingga RM10,000, atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

"Ops Kesan sejak 2009 hingga Oktober 2024 menyaksikan sebanyak 24,801 Notis Kompaun telah dikeluarkan kepada majikan yang ingkar, manakala 25,574 kes telah didakwa atas pelbagai kesalahan," tambah Azirruan.

Dalam operasi hari ini, mana-mana majikan yang didapati melanggar undang-undang akan diberi amaran dan teguran, selain turut dikenakan kompaun. Lokasi sasaran di Kuala Lumpur adalah di sekitar Jalan Chow Kit, Jalan TAR, Jalan Masjid India dan lain-lain.

Ops Kesan Pekerja Asing 2024 ini adalah sebahagian daripada usaha dan komitmen berterusan PERKESO untuk menggalakkan majikan agar lebih bertanggungjawab. Matlamatnya adalah supaya semua pekerja di Malaysia menikmati perlindungan keselamatan sosial yang sama rata, sejajar dengan prinsip 'Prihatin' dan 'Leave No One Behind'.

Setakat jam 5.00pm, Ops Kesan Pekerja Asing telah melibatkan 1,143 lawatan pemeriksaan dengan pengeluaran Notis Kompaun Akta 4 sebanyak 60 bernilai RM 53,500.00 dan 133 saman jabatan telah dikeluarkan. Melalui lawatan pemeriksaan harini, didapati juga sebanyak 17% majikan yang masih tidak mematuhi keperluan mendaftar dan mencarum majikan dan pekerja yang layak di bawah Akta 4.

Tamat
###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

11 November 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

